

**Tindak Tanduk Pas Cemar Imej Islam - Hishammuddin
Bernama
21 November, 2012**

PUTRAJAYA, 21 Nov (Bernama) -- Isu PAS mendoakan kemusnahan dan memurtadkan Umno semasa muktamar tahunannya baru-baru ini akan menjadi satu daripada perkara yang dibincangkan dalam usul agama Perhimpunan Agung Umno 2012 minggu depan.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata tindakan parti itu mencemar imej Islam.

Tindakan seperti mendoakan kemusnahan atau memurtadkan Umno, merupakan kaedah politik kebencian yang sudah lama menular dalam parti pembangkang itu.

Beliau berharap anggota perwakilan yang akan berbahas pada perhimpunan Agung Umno nanti tidak meletakkan diri mereka sama taraf dengan jurucakap PAS yang tidak tanduk mereka hanya menjejaskan kredibiliti parti.

"Dalam kita mendoakan semoga penduduk Gaza diselamatkan, pembangkang (PAS) tidak ke arah itu, dia lebih menumpukan kepada politik, mendoakan kehancuran musuh politik mereka," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710316>